

# Mahathir jamin toleransi beragama tetap diteruskan

UM - 2 DEC 1989

**B**UTTERWORTH 1 Dis. — Perdana Menteri. Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa kerajaan akan terus bersikap toleransi dalam amalan beragama di negara ini.

Katanya, kerajaan juga tidak akan bersikap tamak atau mempunyai niat untuk menyalahgunakan kuasa yang ada hanya untuk kepentingan satu kaum sahaja.

Menurut beliau, kerajaan akan terus bersikap adil dan tidak akan menekan mana - mana pihak pun dalam amalan beragama di negara ini.

“Kalau orang bukan Islam memeluk agama Islam, itu adalah dengan kerelaan diri mereka sendiri, tidak ada paksaan,” katanya pada majlis perasmian masjid di Pungsu Seribu, Kepala Batas di sini, tengah hari tadi.

Masjid itu dibina dengan harga \$260,000 hasil bantuan kerajaan dan derma orang ramai. Turut hadir Menteri Pendidikan, Encik Anwar

Ibrahim, Timbalan Menteri Kesihatan, Senator Mohd. Farid Ariffin dan lebih 1,200 orang penduduk.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad turut menunaikan sembahyang Jumaat di masjid tersebut.

Perdana Menteri mengajak seluruh masyarakat Islam berkelakuan baik dan berakhlak mulia untuk dicontohi oleh masyarakat lain bagi mengelakkan timbul sebarang kekacauan.

“Hasil dari kefahaman bukan Islam mengenai Islam, mereka tidak akan bermusuhan dengan kita, dan kita sendiri sebagai masyarakat Islam tidak ingin bermusuhan dengan mereka,” tegasnya.

Beliau juga menasihatkan masyarakat bukan Islam bahawa mereka tidak harus takut kepada kerajaan sekarang kerana kerajaan yang ada akan bersikap adil dan memahami kehendak mereka.

“Kerajaan yang ada hari ini akan terus ber-

usaha memperkukuhkan keamanan kerana, melalui ini akan membawa manfaat yang lebih banyak kepada rakyat,” tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian masyarakat Islam yang berjumlah kira - kira 50 peratus dari penduduk negara ini bahawa tidak bermakna kepentingan mereka terjamin sekiranya berlaku perpecahan timbul di kalangan mereka.

Beliau memberi beberapa contoh negara - negara luar yang masyarakat Islamnya ramai tetapi lemah, tidak dapat menunaikan amal ibadat dengan sempurna akibat perpecahan sesama sendiri.

“Masyarakat Islam di negara ini memang amat bemasib baik kerana bukan sahaja dapat mengejakan amal ibadat dengan penuh kesempumaan malah kerajaan sendiri sering membantu membina masjid dan mendirikan sekolah - sekolah agama,” tambah Perdana Menteri.